PP

lwn.

OOI WEN YONG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
MOHD ZAKI YASIN H
[RAYUAN JENAYAH NO: 41-230-07]
4 JULAI 2008

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 411 - Memiliki kereta curi - Hukuman minima - "Tidak kurang dari enam bulan penjara" - Sama ada wajib dijatuhkan - Responden diperintah melaksanakan bon berkelakuan baik - Sama ada memadai - Kanun Keseksaan, s. 411 - Kanun Acara Jenayah, s. 294(1)*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Kesetimpalan - Memiliki kereta curi - Perintah bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan jaminan RM3,000 - Sama ada memadai - Kanun Keseksaan, s. 411 - Kanun Acara Jenayah, s. 294(1)*

PROSEDUR JENAYAH: *Bon - Bon berkelakuan baik - Terma - Berkelakuan baik selama tiga tahun atas jaminan RM1,500 dengan cagaran dan RM1,500 tanpa cagaran dan enam bulan penjara jika gagal dilaksanakan - Sama ada menepati kehendak dan amalan undang-undang - Sama ada cacat - Sama ada perlu dipinda - Kanun Acara Jenayah, s. 294(1) - Kanun Keseksaan, s. 411*

PROSEDUR JENAYAH: *Bon - Terma - Kos pendakwaan - Kos pendakwaan sebagai sebahagian terma bon - Prinsip-prinsip - Sama ada suatu penalti - Sama ada harus merangkumi kos yang benar-benar dibelanjakan - Pembuktian - Kanun Acara Jenayah, ss. 294(2), 404*

PERKATAAN & ISTILAH: *"With or without surety" - Seksyen 294(1) Kanun Acara Jenayah - Sama ada bermakna dengan atau tanpa penjamin - Sama ada bermakna dengan atau tanpa wang jaminan*

PERKATAAN & ISTILAH: *"The court may instead of sentencing him at once to any punishment, direct that he be released on his entering into a bond" - Seksyen 294(1) Kanun Acara Jenayah - Sama ada menunjukkan bon sebagai pengganti kepada sebarang hukuman termasuk hukuman penjara*

A Responden dalam kes ini telah mengaku salah terhadap kesalahan memiliki sebuah kereta curi di bawah s. 411 Kanun Keseksaan ('KK'). Seksyen 411 KK memperuntukkan bahawa bagi kesalahan seperti itu, hukuman yang dijatuhkan hendaklah *"tidak kurang dari enam bulan penjara"*. Majisteret, dalam menjatuhkan hukuman, B bagaimanapun enggan memenjarakan responden, sebaliknya menggunapakai s. 294 Kanun Acara Jenayah ('KAJ') sekaligus memerintahkan responden: (i) melaksanakan bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan jaminan RM3,000 (RM1,500 dengan jaminan dan RM1,500 tanpa jaminan) di bawah s. 294(1) KAJ dan C penjara enam bulan jika bon gagal dilaksanakan ('perintah bon'); dan (ii) membayar kos pendakwaan sebanyak RM500 di bawah s. 294(2) KAJ ('kos pendakwaan'). Tidak berpuashati dengan hukuman, Pendakwa Raya merayu dan berhujah bahawa sementara perintah bon sah, ia tidak wajar kerana s. 411 KK memperuntukkan D hukuman penjara minima tidak kurang dari enam bulan terhadap pesalah. Dihujah selanjutnya bahawa salah satu syarat pemakaian s. 294(1) adalah bahawa kesalahan adalah *"trivial in nature"*, dan oleh kerana kesalahan memiliki kereta curi bukan kesalahan yang sedemikian, maka seksyen tersebut tidak layak digunapakai oleh E majisteret. Tidak dinafikan bahawa dalam menggunapakai s. 294 tersebut, majisteret antara lain telah mengambilkira pengakuan salah responden, bahawa beliau adalah pesalah pertama, dan bahawa responden adalah seorang yang berpendidikan tinggi dan akan terdedah kepada berbagai mudarat jika dipaksa bergaul dengan F banduan-banduan di penjara. Di hadapan yang arif hakim, persoalan penting yang berbangkit adalah sama ada perintah yang dibuat majisteret di sini menepati kehendak dan amalan undang-undang.

G **Diputuskan (menolak rayuan; meminda terma perintah bon):**

(1) Mahkamah bersetuju dengan TPR bahawa kesalahan memiliki kereta curi di bawah s. 411 KK bukanlah satu kesalahan yang "trivial in nature" dan bahawa perintah bon, walau pun tidak menyalahi undang-undang, adalah lebih kepada H memberatkan kepentingan tertuduh dan tidak mengimbangi kepentingan awam. Walaupun begitu, faktor-faktor yang diambilkira majisteret dalam penghakimannya bukanlah sesuatu yang "manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to prove the facts and the I circumstances" (*PP v. Mohamed Noor & Ors*). Selain itu, konsep budibicara kehakiman juga bermaksud "different judges applying the same principle at the same time in the

same country to similar facts may sometime reach different conclusions (*Bhandulananda Jayatilake v. PP* merujuk kepada *Jamieson v. Jamieson*). Oleh itu, walaupun mahkamah lebih berpihak kepada hukuman minima yang diperuntukkan dalam s. 411 KK, mahkamah tidak bercadang untuk mengganggu pilihan budibicara majisteret dalam kes ini. (perenggan 7, 10-12)

(2) Menjadi amalan seluruh mahkamah selama ini mensyaratkan penjamin bon mendepositkan jumlah wang jaminan di mahkamah. Tidak diketahui di bawah peruntukan undang-undang bertulis manakah amalan ini dilandaskan memandangkan s. 294 hanya menyebut "bond with or without surety" dan lansung tidak menyebut keperluan wang jaminan sebagai salah satu terma bon. (perenggan 13)

(2a) Walau apapun, perintah bon adalah suatu 'suspended sentence' dimana jika dilanggar pelaku akan dipanggil semula ke mahkamah untuk dihukum atas kesalahan yang beliau telah disabitkan dan supaya penjamin membayar sejumlah atau sebahagian wang jaminan yang ditetapkan. Prosedur mengenai "forfeiture of bond" ini pula diperuntuk di bawah s. 404 KAJ. Oleh itu, saya berpendapat, untuk memastikan kepatuhan pesalah serta supaya beliau benar-benar merasakan perintah bon tersebut mempunyai "legal force", adalah sesuatu yang "inherent" bagi mahkamah mengenakan syarat sejumlah wang simpanan untuk didepositkan ke mahkamah. Ia bagi memastikan kehadiran tertuduh untuk perbicaraan kelak. (perenggan 14)

(3) Dalam kes semasa, tidak jelas sama ada majisteret, dalam memerintahkan wang jaminan RM1,500 dengan jaminan dan RM1,500 tanpa jaminan, membuat perintah tersebut atas tanggapan beliau bahawa "with or without surety" di bawah s. 294 tersebut bermakna "dengan atau tanpa wang jaminan". Seperti yang disebut, s. 294 langsung tidak membuat rujukan kepada wang jaminan atau 'security' tetapi hanya 'surety' yang bermakna penjamin. Oleh itu, tidak timbul s. 294 membenarkan wang jaminan diperintahkan dalam bentuk "dengan atau tanpa penjamin". Apapun, terma cagaran yang dibuat majisteret ini hanya akan menyukarkan proses "forfeiture" di bawah s. 404 KAJ apabila ianya perlu

A dikuatkuasakan. Oleh itu, terma RM1,500 tanpa cagaran tersebut diketepikan dan diganti dengan jumlah yang sama dengan cagaran. (perenggan 15)

(4) Berkaitan terma perintah bon "jika bon tersebut gagal
B disempurnakan, dipenjara enam bulan", jelas bahawa, jika yang dimaksudkan majisteret adalah enam bulan penjara atas kegagalan menyempurnakan bon, iaitu mengadakan penjamin dan wang jaminan RM1,500 sebagai cagaran, perintah enam bulan penjara tersebut bercanggah dengan prinsip bon di
C bawah s. 294 KAJ. Ayat "the court may instead of sentencing him at once to any punishment, direct that he be released on his entering into a bond …" di bawah s. 294 KAJ jelas menunjukkan bon adalah sebagai pengganti kepada sebarang hukuman termasuk hukuman penjara. Sebaliknya
D jika enam bulan penjara tersebut dimaksudkan hanya apabila tertuduh gagal mematuhi syarat berkelakuan baik dalam tempoh bon tersebut, ianya juga bercanggah dengan prinsip "suspended sentence" di bawah s. 294 KAJ (*Jayanathan v. PP*), sementelah prosedur akibat dari kegagalan tertuduh
E mematuhi syarat bon jelas diperuntukkan di bawah ss. 294 (3), (4), (5) dan 404 KAJ. Oleh itu, tidak timbul soal terma hukuman akibat kegagalan (defaulted sentence) dijatuhkan pada masa yang sama perintah bon tersebut dibuat. (perenggan 16)

F **(5)** Kos pendakwaan di bawah s. 294(2) KAJ bukan berbentuk penalti tetapi bermaksud kos yang benar-benar dibelanjakan oleh pihak pendakwaan termasuk pembayaran di atas kehadiran saksi-saksi. Oleh itu, peruntukan seksyen ini harus
G digunakan hanya dalam keadaan di mana pihak pendakwaan telah benar-benar mengeluarkan kos dalam pendakwaan ke atas tertuduh sebelum mahkamah memerintahkan tertuduh di letakkan di bawah bon s. 294(1) tersebut sahaja, dan tidak harus melibatkan perintah atau hukuman-hukuman lain di
H bawah KK. Ia juga harus digunakan di mana terdapat maklumat dari pihak pendakwaan berkaitan jumlah kos tersebut. (perenggan 19)

(6) Dalam kes semasa, tiada maklumat mengenai kos sebenar yang ditanggung pendakwaan dan tidak diketahui dari mana
I majisteret mendapatkan jumlah RM500 tersebut sebagai kos pendakwaan. Maka berdasarkan fakta kes mahkamah

mengenepikan perintah kos pendakwaan tersebut. Begitu juga, mahkamah menolak rayuan dan mengekalkan perintah bon. Namun terma-terma perintah bon tersebut dipinda dengan keseluruhan jumlah RM3000 untuk bon dibuat dengan bercagar dan perintah enam bulan penjara jika gagal menyempurnakan bon dibatalkan. (perenggan 20 & 21)

[Perintah sekadarnya.]

Kes-kes yang dirujuk:

Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] 1 LNS 139 ***(dirujuk)***
Dato' Mat Shah v. PP [1971] 2 MLJ 125 ***(dirujuk)***
Jayanathan v. PP [1973] 2 MLJ 68 ***(dirujuk)***
Leong Ka Kong v. PP [1975] 1 LNS 86 ***(dirujuk)***
Oh Cheng Hai v. Ong Yong Yew [1993] 3 SLR 930 ***(dirujuk)***
Pannir Chelvam Varimuthu & Satu Lagi v. PP [1995] 1 LNS 396 ***(tidak diikuti)***
PP v. Chew Chee Wah [1996] 1 CLJ 94 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lim Hong Chin [1994] 1 CLJ 79 HC ***(dirujuk)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Kamil Yahya [1998] 1 LNS 208 ***(dirujuk)***
PP v. Mohamed Noor & Ors [1985] 1 LNS 25 ***(dirujuk)***
PP v. Yeong Yin Choy [1976] 1 LNS 119 ***(dirujuk)***
R v. Ball 35 Cr App R 164 ***(dirujuk)***
R v. Osenkowski [1982] 30 SASR 212 ***(dirujuk)***
Rex v. Grondkowksi [1946] All ER 560 ***(dirujuk)***
Winston Rajah v. PP [1999] 1 CLJ 315 ***(dirujuk)***
Yapp Yuk Tshin v. PP [1992] 2 CLJ 1095; [1992] 3 CLJ (Rep) 826 HC ***(tidak diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, ss. 173A, 273, 294(1), (2), (3), (4), (5), 323, 353, 404, 432(2)
Penal Code, ss. 392, 411, 414
Prevention of Corruption Act 1961, s. 4(c)

Criminal Procedure Code [Sing], s. 401

Sumber-sumber yang dirujuk:

Janab's Key to Criminal Procedure Evidence Advocacy and Professional Ethics in Malaysia and Singapore, 1st edn March 2001, ms 57

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

A

PENGHAKIMAN

Mohd Zaki Yasin H:

[1] Responden yang berumur 26 tahun di dalam kes ini, di atas pengakuan salah beliau kepada pertuduhan pilihan di bawah s. 411 Kanun Keseksaan kerana memiliki harta curi iaitu sebuah kereta jenis Toyota Wish berharga RM140,000 telah disabitkan dan diperintah majistret untuk diletakkan di bawah BON berkelakuan baik selama tiga (3) tahun dengan jaminan sebanyak RM3,000 iaitu RM1,500 dengan bercagar dan RM1,500 tanpa cagaran dengan seorang penjamin di bawah s. 294(1) Kanun Acara Jenayah ("perintah BON tersebut") di mana jika BON tersebut gagal disempurnakan, dipenjara enam (6) bulan DAN diperintah membayar kos pendakwaan RM500 di bawah s. 294(2) Kanun yang sama ("kos pendakwaan tersebut").

[2] Pendakwaraya tidak berpuashati dan merayu terhadap perintah tersebut. Timbalan Pendakwaraya yang bijaksana di dalam hujahnya tidak mempersoalkan 'the legality' kepada perintah BON tersebut tetapi mempersoalkan kewajarannya berdasarkan s. 411 Kanun Keseksaan tersebut memperuntukan hukuman penjara yang tidak kurang dari enam bulan penjara dan fakta kes di mana responden mengakui mengetahui kereta tersebut kereta curi.

[3] Peguam yang bijaksana bagi pihak responden berhujah bahawa perintah ini memadai memandangkan responden telah mengaku salah, menjimatkan masa mahkamah dan bahawa tempoh yang panjang perintah BON tersebut iaitu selama tiga tahun beserta responden telahpun membayar RM500 sebagai kos pendakwaan tersebut. Sandaran dibuat di antara lain kepada kes *Winston Rajah v. PP* [1999] 1 CLJ 315 sebagai menyokong hujah-hujah beliau.

[4] Di akhir hujah-hujah kedua-dua pihak, berkaitan rayuan ini, mahkamah telah meminta kedua-dua pihak mengkaji samada terma berkaitan cagaran RM1,500 yang dibuat majistret dan perintah lanjut enam bulan penjara jika gagal menyempurnakan BON tersebut serta perintah pembayaran RM500 sebagai kos pendakwaan tersebut menepati undang-undang atau apa-apa amalan.

I

[5] Seksyen 411 Kanun Acara Jenayah ('KAJ') memperuntukan:

> Whoever dishonestly receives or retains any stolen property, knowing or having reason to believe the same to be stolen property, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to five years, or with fine, or with both; *and if the stolen property is a motor vehicle or any component part of a motor vehicle as defined in section 379A, shall be punished with imprisonment for a term of not less than six months and not more that five years, and shall also be liable to fine.* (Act 727)

Peruntukan ini telah dipinda pada 5 Mei 1989 (*vide* Act A727) di mana sebelum pindaan ini hukuman untuk s. 411 tersebut diperuntukan secara umum merangkumi semua jenis harta curi.

[6] Hashim Yeop A. Sani J (ketika itu) di dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102 di dalam merujuk kepada siri pindaan-pindaan kepada Dangerous Drugs Ordinance 1952 berkaitan peruntukan baru dan penambahan hukuman maksima kesalahan-kesalahan berkaitan dadah menyebut "the amendments passed by Parliament therefore reflect the public policy. It must be presumed that behind the public policy is the consideration of public interest". Begitulah juga pada pandangan saya, pindaan kepada s. 411 tersebut berkaitan hukuman khusus untuk kenderaan bermotor dan komponennya, adalah mencerminkan satu polisi dan kepentingan awam. Dengan itu mahkamah adalah diharapkan menunjukkan pertimbangan kepentingan awam tersebut di dalam mentaksirkan hukumannya.

[7] Seksyen 294 KAJ memperuntukan:

> **First offenders**
>
> (1) When any person not being a youthful offender has been convicted of any offence punishable with imprisonment before any Court if it appears to the Court that regard being had to the character, antecedents, age, health or mental condition of the offender or to the **trivial nature of the offence** or to any extenuating circumstances under which the offence was committed it is expedient that the offender be released on probation of good conduct, the Court may, instead of sentencing him at once to any punishment, direct that he be released on his entering into a bond **with or without sureties** and during such period as the Court may direct to appear and receive judgment if and when called upon and in the meantime to keep the peace and be of good behaviour.

A (2) The Court may, if it thinks fit, direct that the offender shall pay the costs of the prosecution or **some portion of the same** within that period and by such instalments as may be directed by the Court. (penekanan diberi).

B Oleh itu berdasarkan pandangan saya di para 6 dan perkataan di dalam s. 294 di atas secara umumnya, saya bersetuju dengan timbalan pendakwaraya bahawa kesalahan memiliki kereta curi di bawah s. 411 tersebut bukanlah satu kesalahan yang 'trivial in nature' dan bahawa perintah BON tersebut sekalipun tidak
C menyalahi undang-undang, adalah lebih kepada memberatkan kepentingan tertuduh dan tidak mengimbangi kepentingan awam sedangkan Lord Goddard LCJ dalam *Rex v. Grondkowksi* [1946] All ER 560 menyebut:

D The judge must consider the interests of justice as well as the interest of the prisoners. **It is too often nowadays thought or seems to be thought that the interest of justice means only the interest of the prisoners.** (penekanan diberi)

E **[8]** Walau bagaimanapun adalah sesuatu yang jitu dari segi undang-undang bahawa perihal penghukuman berpandukan prinsip penghukuman yang betul adalah suatu kuasa budibicara mahkamah. Apakah faktor-faktor yang diambilkira majistret di dalam kes ini di dalam tidak memilih hukuman minima yang diperuntukkan di bawah s. 411 tersebut? Berdasarkan penghakimannya, majistret jelas
F mengambilkira pengakuan salah dan rekod bersih iaitu ketiadaan rekod jenayah responden sebagai faktor utama di samping latarbelakang responden yang membesar tanpa bapanya yang telah meninggal dunia semenjak beliau berumur tiga tahun, latar belakang pendidikannya yang memegang Diploma dalam Kejuruteraan Awam
G dan bahawa beliau menanggung ibunya yang sakit serta kebimbangan responden dipengaruhi kesan negatif jika bercampurgaul dengan banduan-banduan tegar lain di dalam penjara, dalam memilih untuk memberi peluang responden untuk membetulkan kesilapannya. Majistret membuat rujukan kepada
H prinsip-prinsip hukuman yang disebut di dalam kes *PP v. Mohd Kamil bin Yahya* [1998] 1 LNS 208; *PP v. Chew Chee Wah* [1996] 1 CLJ 94; *PP v. Yeong Yin Choy* [1976] 1 LNS 119 dan *PP v. Lim Hong Chin* [1994] 1 CLJ 79.

I **[9]** Di dalam kes *Leong Ka Kong v. PP* [1975] 1 LNS 86 Abdul Hamid J (ketika itu) menyebut:

> It is settled law that sentences should not be interfered with by the appellate court **merely because the individual presiding judge in the higher court might, having personal views on the matter,** have passed a different sentence. (penekanan diberi).

Di dalam kes *PP v. Mohamed Noor & Ors* [1985] 1 LNS 25, Abdul Hamid CJ (Malaya) (ketika itu) menyebut:

> In this regard we would observe that it is the established principle that an appellate court should be slow to interfere or disturb a sentence passed by the court below unless it is **manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances.** AND the mere fact that another court might pass a different sentence provides no reason for the appellate court to interfere if the court below applies the correct principles in the assessment of the sentence. (penekanan diberi)

[10] Di dalam kes ini, faktor-faktor yang diambilkira oleh majistret di dalam penghakimannya, pada pandangan saya, bukanlah sesuatu yang "manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitably to the prove facts and circumstances" seperti yang disebut di dalam kes *PP v. Mohamed Noor & Ors (supra)*.

[11] Raja Azlan Shah Ag. LP (ketika itu) di dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v. PP* [1981] 1 LNS 139 menyebut:

> ... that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which the is room for reasonable people to hold different opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts may sometime reach different conclusions (see *Jamieson v. Jamieson* [1952] AC 529, 549). It is for that reason that some very conscientious judges have thought it their duty to visit particular crimes with exemplary sentence *whist others equally conscientious have thought it their duty to view the same crime with leniency*. Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even *the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.* (penekanan diberi).

[12] Oleh itu sekalipun saya bersetuju dengan timbalan pendakwaraya seperti yang disebutkan awal tadi dan saya secara peribadi lebih memihak kepada hukuman minima yang diperuntukkan di bawah s. 411 tersebut, tetapi saya tidak bercadang mengganggu pilihan kuasa budibicara majistret di dalam kes ini. Tambahan pula, di hadapan mahkamah ini, responden jelas sehingga tempoh kes rayuan ini didengar, iaitu melewati tempoh satu tahun dari tarikh perintah bon tersebut berkuatkuasa, telah menunjukkan kelakuan yang baik apabila beliau dengan taat hadir untuk rayuan ini pada setiap kali pendengarannya terpaksa ditangguhkan iaitu sebanyak tiga kali sekalipun terpaksa meminta cuti yang hanya dibenarkan sekali dalam sebulan oleh majikan tempat beliau kini bekerja di Singapura. Majikan responden juga iaitu Quek & Quek Civil Engineering Ptd. Ltd. telah mengemukakan surat pengesahan bahawa responden adalah seorang pekerja mereka di atas dasar 'probation' dengan pendapatan $1,600 sebulan. Pada pandangan saya, responden setakat ini nampaknya telah berada di dalam satu landasan yang menuju ke arah 'reform' di dalam hidup beliau. Oleh itu dengan beliau perlu menjalani tempoh berkelakuan baik dalam dua tahun lagi, adalah diharapkan beliau akan benar-benar 'reform' sepenuhnya. Saya teringat dan suka memetik kata-kata King CJ dalam *R v. Osenkowski* [1982] 30 SASR 212 iaitu:

> There must always be a place for leniency which has traditionally been extended even to the offenders with bad record when the judge forms the view, almost intuitively in the case of experienced judges **that leniency at that particular stage of the offender's life might lead to reform.** (penekanan diberi)

Oleh itu adalah dikhuatiri mengganggu perintah BON tersebut di peringkat ini hanya akan membantutkan 'reform' yang sedang responden tunjukkan setakat ini dan yang perlu beliau terus tunjukkan untuk tempoh dua tahun lagi. Tambahan pula sebagaimana yang disebut di dalam kes *R v. Ball* 35 Cr App R 164 '... the public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living'.

[13] Mengenai terma-terma perintah BON tersebut iaitu merujuk kepada jumlah jaminan RM1,500 dengan cagaran dan baki RM1,500 lagi tanpa cagaran, adalah disedari bahawa ianya telah menjadi amalan seluruh mahkamah selama ini mensyaratkan penjamin menyimpan (deposit) jumlah wang jaminan yang

diperintahkan tersebut kepada mahkamah. Tidak diketahui di bawah peruntukan undang-undang bertulis manakah amalan ini dilandaskan selama ini. Seksyen 294 KAJ hanya menyebut 'bond with or without surety' dan tidak langsung menyebut keperluan 'security' atau wang jaminan sebagai salah satu terma BON tersebut. Amalan selama ini juga tidak diketahui sumbernya di dalam ketiadaan borang statutori (statutory forms) khusus untuk s. 294 dan s. 173A KAJ disediakan, tidak sebagaimana misalnya borang 37 untuk s. 353; borang 41-50 untuk s. 404 dan borang 52 untuk s. 370. Format borang yang terdekat untuk s. 294 yang diamalkan selama ini ialah borang 36 untuk s. 273 KAJ.

[14] Sebagaimana sedia diketahui, perintah BON tersebut adalah merupakan suatu 'suspended sentence' di mana di dalam kegagalan pesalah mematuhi syarat berkelakuan baik yang diperintahkan yang bermakng jika pesalah melakukan apa-apa kesalahan terbaru lain di dalam tempoh yang ditetapkan, beliau akan dipanggil semula ke mahkamah dan dihukum untuk kesalahan di mana beliau telah disabitkan tetapi ditangguhkan di atas BON tersebut di samping dihukum untuk kesalahan terbaru yang dilakukan DAN penjaminnya diperintahkan membayar sejumlah atau sebahagian wang jaminan yang telah ditetapkan (lihat *Jayanathan v. PP* [1973] 2 MLJ 68).

Prosedur berkaitan dengan 'forfieture of bond' tersebut pula jelas diperuntukkan di bawah s. 404 KAJ. Oleh itu saya berpendapat, untuk memastikan pesalah benar-benar mematuhi berkelakuan baik tersebut dan penjaminnya benar-benar memikul tanggungjawab memastikan kepatuhan pesalah serta benar-benar merasakan yang perintah BON tersebut mempunyai suatu 'legal force', adalah suatu yang 'inherent' bagi mahkamah untuk mengenakan syarat sejumlah wang jaminan untuk didepositkan ke mahkamah sebagaimana juga 'inherent power' mahkamah mengenakan syarat untuk penahanan passport (impoundment of passport) sebagai salah satu syarat BON untuk memastikan kehadiran tertuduh untuk perbicaraan di mahkamah. (lihat *Dato' Mat Shah v. PP* [1971] 2 MLJ 125).

[15] Khusus kepada terma wang jaminan perintah BON tersebut adalah tidak jelas samada majistret dalam kes ini memerintahkan wang jaminan RM3,000 tersebut di dalam bentuk RM1,500 dengan jaminan dan bakinya RM1,500 tanpa jaminan di atas tanggapan beliau 'with or without surety' di bawah s. 294 tersebut sebagai bermakna 'dengan atau tanpa wang jaminan'. Seperti yang

A disebutkan awal, s. 294 tersebut tidak langsung membuat rujukan kepada wang jaminan atau 'security' tetapi hanya 'surety' yang bermakna penjamin. (lihat *Janab's Key to Criminal Procedure Evidence Advocacy and Professional Ethics in Malaysia and Singapore*, 1st edn March 2001, ms 57). Oleh itu tidak timbul s. 294 membenarkan
B wang jaminan diperintahkan dalam bentuk 'dengan atau tanpa jaminan'. Oleh kerana terma cagaran yang dibuat majistret ini, pada pandangan saya, hanya akan menyukarkan proses 'forfeiture di bawah s. 404 KAJ apabila ianya perlu dikuatkuasakan, maka saya mengenepikan terma RM1,500 tanpa cagaran tersebut dan
C menggantikannya kepada jumlah yang sama dengan cagaran.

[16] Khusus untuk terma perintah BON tersebut iaitu "jika BON tersebut gagal disempurnakan, dipenjara enam bulan", jika apa yang dimaksudkan majistret ialah enam bulan penjara di atas kegagalan
D menyempurnakan BON iaitu mengadakan penjamin dan wang jaminan RM1,500 sebagai cagaran, maka adalah jelas bahawa perintah enam bulan penjara tersebut bercanggah dengan prinsip BON di bawah s. 294 KAJ. Ayat 'the court may instead on sentencing him at once to any punishment, direct that he be
E released on his entering into a bond ...,' di bawah s. 294 KAJ jelas menunjukkan BON adalah sebagai pengganti kepada sebarang hukuman termasuk hukuman penjara. Sebaliknya jika enam bulan penjara tersebut dimaksudkan hanya apabila tertuduh gagal mematuhi syarat berkelakuan baik dalam tempoh bon tersebut,
F ianya juga jelas bercanggah dengan prinsip 'suspended sentence' di bawah s. 294 KAJ seperti yang dihuraikan dalam kes *Jayanathan v. PP (supra)* di mana prosedur akibat kegagalan tertuduh mematuhi syarat BON jelas diperuntukkan di bawah s. 294(3), (4), (5) dan s. 404 KAJ. Oleh itu tidak timbul soal terma hukuman
G akibat kegagalan (the defaulted sentence) dijatuhkan pada masa yang sama perintah BON tersebut dibuat.

[17] Mengenai perintah kos pendakwaan tersebut, adalah didapati terdapat hanya beberapa kes sahaja yang membuat perintah
H sedemikian. Ianya difahami kerana peruntukan ini memang jarang digunakah oleh mahkamah di mana-mana peringkat sekalipun ianya kekal di situ untuk digunakan.

I

[18] Dalam kes *Yapp Yuk Tshin v. PP* [1992] 2 CLJ 1095; [1992] 3 CLJ (Rep) 826, Syed Ahmad Idid JC (pada masa itu) dalam mengesahkan perintah BON yang dibuat oleh mahkamah sesyen terhadap perayu untuk kesalahan di bawah s. 4(c) Prevention of Corruption Act 1961 dalam kes tersebut telah memerintahkan perayu membayar RM1,000 sebagai sebahagian dari kos pendakwaan di bawah s. 294(2) dibaca bersama s. 432 KAJ atau empat bulan penjara jika gagal membayar RM1,000 tersebut. Syed Ahmad Idid J (pada masa itu) juga di dalam kes *Pannir Chelvam a/l Varimuthu & Satu Lagi v. PP* [1995] 1 LNS 396 di dalam memberi peluang kepada perayu kedua yang berumur 17 tahun pada masa kejadian dan 21 tahun pada masa rayuannya didengar untuk kesalahan di bawah s. 392 yang beliau pinda kepada s. 414 Kanun Keseksaan dan setelah menggantikan perintah penahanan di Sekolah Henry Gurney yang dibuat mahkamah sesyen kepada denda RM2,000 telah juga memerintahkan perayu membayar RM2,000 sebagai kos pendakwaan di bawah s. 294(2)/s. 432(2) KAJ dan membenarkan pembayarannya dibuat secara ansuran sebanyak RM500 sebulan atau empat bulan penjara jika gagal membayarnya, tanpa sebarang butir-butir mengenai kos tersebut diperolehi daripada pihak pendakwaan.

[19] Seksyen 294(2) KAJ ini sebagaimana jelas diperuntukkan, adalah berkaitan dengan kos pendakwaan dan bukannya satu hukuman (penalty). Kos pendakwaan ini, pada pandangan saya bermakna kos yang telah benar-benar dibelanjakan oleh pihak pendakwaan termasuk pembayaran di atas kehadiran saksi-saksi di dalam sesuatu kes. Di dalam kes *Oh Cheng Hai v. Ong Yong Yew* [1993] 3 SLR 930, sekalipun ianya bukan berkaitan kos di bawah s. 294(2) KAJ, Yong Pung How CJ (Singapore) di dalam mengesahkan keputusan majistret yang memerintahkan kos pendakwaan di bawah s. 401 CPC (Singapore) memutuskan:

> (7) Owing to the fact that the defence had persisted in challenging peripheral issues and the genuineness of each exhibit, the latter causing ultimately an expert, witness to be sent from Japan inspite of the fact that the defence was innocent possession, the order as to $10,000 costs which included the costs of the two Japanese witnesses was an appropriate exercise of the magistrate's discretion. In addition, there is no evidence to suggest that such costs as ordered was not within the appellant's means.

dan juga menyebut *per curiam*:

> It is not in every case that cost should be ordered. In exercising its discretion, the court is entitled to take all the circumstances into account, including the strength of the case against the accused, his knowledge of this and his conduct of his defence. An accused has a right to plead not guilty and to conduct his defence in any manner allowed by law. Nevertheless, if he loses and the court thinks that his defence has been conducted extravagantly and unnecessarily, he then cannot complain if he is ordered to pay some of the costs which he caused the prosecution to incur.

Oleh itu saya berpendapat peruntukan s. 294(2) ini sewajarnya digunakan oleh mahkamah hanya di dalam keadaan pihak pendakwa telah benar-benar mengeluarkan kos dalam pendakwaan ke atas tertuduh sebelum mahkamah berdasarkan faktor-faktor yang sesuai memerintahkan tertuduh diletakkan di bawah s. 294(1) KAJ dan ianya khusus untuk perintah BON di bawah s. 294(1) tersebut sahaja kerana ianya bukanlah satu peruntukan umum merangkumi perintah atau hukuman-hukuman lain di bawah Kanun Keseksaan. Selain itu saya juga berpendapat s. 294(2) ini hanya wajar digunakan dalam keadaan terdapat maklumat dari pihak pendakwaan berkaitan jumlah kos tersebut. Ini adalah kerana pada pandangan saya, pihak pendakwaan adalah dalam kedudukan yang lebih mengetahui berapakah kos sebenar sesuatu pendakwaan kes tertentu untuk mahkamah memutuskan samada keseluruhan kos tersebut atau sebahagian darinya (some portion of the same) diperintah dibayar. Berdasarkan pandangan-pandangan saya di atas, saya dengan hormatnya tidak dapat bersetuju dengan cara bagaimana perintah kos pendakwaan dibuat dalam kes *Yapp Yuk Tshin v. PP* dan *Pannir Chelvam a/l Varimuthu dan Satu Lagi v. PP (supra)*.

[20] Untuk kes sekarang, berdasarkan rekod rayuan, adalah didapati tidak ada bukti maklumat kos sebenar pendakwaan di hadapan mahkamah dan tidak diketahui dari mana majistret mendapatkan jumlah RM500 sebagai kos pendakwaan tersebut. Adalah juga didapati bahawa kes ini bukanlah melibatkan pendakwaan di mana saksi-saksi telah dipanggil dan didengar, sebaliknya kes di mana responden dari awal lagi telah mengaku salah kepada pertuduhan pilihan.

[21] Berdasarkan alasan-alasan di atas, secara keseluruhannya mahkamah dengan ini menolak rayuan pendakwaraya dan mengekalkan perintah BON tersebut. Walau bagaimanapun bersesuaian dengan kuasa ulangkaji mahkamah di bawah s. 323 KAJ, terma-terma perintah BON tersebut dipinda dengan keseluruhan jumlah RM3,000 untuk BON tersebut dibuat dengan bercagar dan perintah enam bulan penjara jika gagal menyempurnakan BON dibatalkan. Mahkamah juga mengenepikan perintah kos pendakwaan sejumlah RM500 tersebut dan jika telah dibayar mestilah dikembalikan kepada responden.